

29/06/2001

Alex bakal beraksi di Hungary

Saufi Hamzah

PASUKAN Formula Satu (F1) European Minardi tidak menolak kemungkinan pemandu Malaysia, Alex Yoong dapat memulakan kerjayanya dalam sukan motor paling berprestij itu dengan penyertaan di Grand Prix Hungary, Ogos ini.

Pemilik pasukan itu, Paul Stoddart mengesahkan kemungkinan itu selepas mengambil kira beberapa urusan yang perlu diselesaikan sebelum Alex secara sah menjadi pemandu mereka.

Katanya, masa yang ada sebelum perlumbaan di Litar Hungaroring dikira mencukupi bagi membuat persiapan termasuk memohon mendapatkan lesen Super daripada Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA) bagi membolehkan Minardi membuat penilaian menyeluruh terhadap kemampuan Alex.

"Kami juga perlu membuat ujian bersama Alex untuk menilai sejauh mana kemampuannya mengendalikan kereta F1 sebenar.

"Ujian itu mungkin diadakan dalam sedikit masa lagi iaitu bulan depan dan tempatnya ialah di Eropah. Kami perlu melihat kekosongan litar seperti di Sepanyol dan tempat lain untuk mengendalikan ujian berkenaan.

"Setakat ini, kesungguhan pihak yang berusaha mencari tajaan untuk pemandu ini begitu menakjubkan dan kami memang mengalu-alukan kehadiran penaja yang sanggup membiayai seorang pemandu berbakat seperti Alex.

"Bagi kami, tawaran itu bersifat terbuka kerana kami tidak menetapkan tarikh akhir supaya jumlah tajaan bernilai AS\$5 juta (RM19 juta) dapat diperolehi," katanya dalam pertemuan di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, semalam. Turut sama ialah Pengarah Sukan Minardi, Rupert Manwaring.

Stoddart, 45, tiba di Kuala Lumpur untuk kunjungan ringkas sejak kelmarin. Dia mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, pagi semalam.

Sebelum itu, Stoddart sempat bersemuka dengan Alex di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang sebaik tiba dari Jerman.

Alex pula berlepas semula ke Jepun kelmarin untuk menyertai perlumbaan pusingan kelima Kejohanan Formula Nippon di Litar Suzuka hujung minggu ini.

Menurut Stoddart, daripada pemerhatiannya, Alex berpotensi untuk membabitkan diri dalam F1 tetapi persoalan yang mesti ditumpukan sekarang ialah sama ada Alex benar-benar bersedia untuk menempuh Grand Prix F1.

Ketika ditanya sama ada Minardi mengalami masalah kewangan untuk mengharungi musim 2001 ini, dia berkata: "Tidak. Adalah tidak benar bahawa kami menghadapi masalah kewangan."

Sehubungan itu, mengenai sokongan kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan, Stoddart berkata keinginan Alex untuk menjadi pemandu F1 bukan sahaja memberi faedah kepada pembangunan sukan motor di Malaysia, malah dapat memperkenalkan lebih banyak penaja tempatan ke pasaran antarabangsa dan menggalakkan pemandu berbakat lain mengikut jejak Alex.

"Peluang ini hadir sekali saja. Jadi ia perlu digunakan sepenuhnya," tambahnya.

Mengenai kedudukan pemandu mereka, Tarso Marques, dia berkata pemandu itu sudah maklum mengenai kedudukannya dalam pasukan itu kerana kontraknya membabitkan perlumbaan demi perlumbaan.

Pertemuan Stoddart dengan Dr Mahathir turut dihadiri Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein yang berlangsung selama kira-kira 40 minit.

Sebelum ini, Alex diramal memulakan kerjaya dalam F1 dengan penyertaan

dalam Grand Prix British di Silverstone pada 15 Julai depan.

Mungkin dengan kemunculan Alex nanti, lebih ramai pemandu F1 dari Malaysia dapat dilahirkan. Ketika ini, Fairuz Fauzy sedang bertanding dalam Formula Renault, yang pernah disertai Alex sebelum ini.

Stoddart, ahli perniagaan dari Australia mengambil alih pasukan Minardi pada awal tahun ini. Dia memiliki syarikat penerbangan, European Aviation yang pernah mencatat jualan sebanyak STG75 juta (RM405 juta) pada tahun lalu.

(END)